

Pesakit luar kini boleh jumpa doktor dengan hanya 'lihat' kamera



TEKNOLOGI PERUBATAN: Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan Pusat Kesihatan Universiti Nasional (NUHS), Dr Ngiam Kee Yuan (*kiri*), bersama-sama Penolong Profesor, Dr Feng Mengling, dari Sekolah Kesihatan Awam Saw Swee Hock NUS memperkenalkan Pusat Kerahan, yang merupakan sebahagian daripada sistem bijak buatan, Discovery AI. – Foto BH oleh MADHUMITA PARAMANANTHAM

PESAKIT luar kini boleh mengelak daripada menunggu lama dalam barisan apabila mereka ingin berjumpa doktor dan hanya perlu melihat pada kamera.

Alat pengenalan muka baru tersebut memberitahu kakitangan perubatan apabila pesakit berisiko tinggi tiba supaya mereka boleh memutuskan sama ada penjagaan pesakit itu harus diberi keutamaan.

Teknologi itu dipamerkan se-

malam di Pusat Kesihatan Universiti Nasional (NUHS) di datathon dan Ekspo Kesihatan Awam pertama di Singapura.

Acara itu, yang menggalakkan pakar teknologi dan profesional penjagaan kesihatan untuk bersama-sama membangun kecerdasan buatan (AI) dan alat pintar untuk menangani cabaran dalam sektor penjagaan kesihatan seperti tenaga manusia yang terhad.

Acara enam hari, yang kini berlangsung hingga esok, dianjurkan bersama NUHS, Universiti Nasional Singapura (NUS), AI Singapore – sebuah program yang ditubuhkan untuk meningkatkan keupayaan kecerdasan buatan di Singapura, dan Institut Teknologi Massachusetts.

Dr Ngiam Kee Yuan, ketua pegawai teknologi kumpulan NUHS berkata: "Ia (AI) dapat meningkatkan kerja-kerja tenaga penjagaan

kesihatan Singapura dan meningkatkan keupayaan doktor untuk membuat keputusan dengan lebih baik."

Dr Ngiam dan Dr Feng Mengling, penolong profesor di Sekolah Kesihatan Saw Swee Hock NUS, memperkenalkan sistem AI NUHS sendiri semasa pameran itu, diberi nama Discovery AI.

Mereka berharap dengan alat AI berbeza ia dapat meningkatkan diagnosis klinikal, mengenalpasti pesakit berisiko tinggi dan mengurangkan beban pasukan penjagaan kesihatan dalam menguruskan pesakit.

Discovery AI, yang telah beroperasi selama empat tahun, mengumpulkan data termasuk sejarah perubatan pesakit, gaya hidup dan sejarah kemasukan hospital.

Menggunakan data, ia boleh melakukan tugas termasuk diagnosis apendiks bagi mereka yang mengadu sakit perut dan juga meramalkan risiko kemasukan semula pesakit yang dimasukkan ke hospital disebabkan pelbagai masalah kesihatan.

Ini membolehkan para doktor untuk membuat susulan dengan pesakit berisiko dan menyesuaikan kaedah rawatan mereka untuk memasukkan komponen seperti perbualan video dengan pesakit selepas mereka keluar hospital.

Wadah AI tersebut sedang diuji di beberapa wad di Hospital Universiti Nasional dan dijangka digunakan secara berperingkat di seluruh institusi NUHS seperti Hospital Ng Teng Fong dan Hospital Alexandra pada tahun-tahun akan datang.